







Kementerian Penerangan,
Komunikasi dan Kebudayaan




Sari Pustaka



Sari Pustaka
Bil 3/2010

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



RIDZWAN BAKAR
Bila Pintu Hati Terbuka
Shah Alam : Karya Bestari, 2010. 290ms.
ISBN 978-967-86-0341-6

ULASAN

Bila Pintu Hati Terbuka adalah sebuah karya keilmuan amalan untuk masyarakat umumnya. Memberi manusia pelbagai kesedaran dan keterbukaan minda yang luas untuk manusia berfikir lebih kreatif dan cemerlang. Pencarian ilmu memberi kita kekuatan fizikal dan mental untuk kita harungi cabaran akan datang. Ilmu tidak pernah memilih antara miskin, kaya, tua ataupun muda. Ilmu sentiasa memberi manusia ruang untuk maju ke hadapan dan merubah status kehidupan demi anak-anak dan keluarga. Ilmu amat penting kerana ilmu meletakkan manusia di tahap selesa. Selesa bekerja, beribadah dan melalui kehidupan dengan tawadduk. Allah mengiktiraf ilmu manusia dengan kesabaran, keikhlasan dan ketaqwaan kepada-Nya. Dugaan yang Allah berikan kepada hamba-Nya adalah semata-mata untuk menguji ketahanan iman manusia agar sentiasa bersedia dan redha dengan ketentuan-Nya, bersyukur dengan nikmat-Nya dan berkongsi nikmat Allah dengan hamba-Nya yang lain.

Kepentingan yang perlu ada dalam menimba ilmu Allah ialah membuka ruang hati

sepenuhnya kepada Allah yang mencipta langit dan bumi. Berdoa dan bersujud kepada-Nya setiap waktu dan ketika. Tidak jemu bertemu di alam maya, bertahajjud dan istiqamah ketika semua umat lena dibuai mimpi indah kerana ketenangan seperti malam itu malaikat-malaikat turun melawat hamba Allah dengan bersedia untuk membawa segala doa dan harapan umat manusia untuk terus kepada Allah s.w.t. segala dosa terampun, setiap impian terlaksana dan setiap impian diperkenankan oleh Allah. Allah juga telah memberi ilham kepada manusia dengan berkata:

"Sesungguhnya telah kami berikan kepada kamu nikmat yang banyak"

Surah al-Kauthar : 1

Allah sentiasa memberi peluang buat hamba-Nya untuk berjaya dan doa adalah senjata bagi setiap mukmin dengan fokus dan berusaha. Sebenarnya sesuatu yang kita rasa sukar sebenarnya mudah di sisi-Nya. Allah mahu kita membuat pengaduan terus kepada-Nya dengan bersujud, melutut dan menadah tangan penuh keinsafan dengan berfirman yang bermaksud:

"Berdoalah kepadaKu, nescaya akan AKU perkenankan"

Surah al-Mukminun : 60

Dan Allah juga berjanji kepada umat-Nya bahawa:

"Barangsiapa menempuh satu perjalanan untuk mencari ilmu Allah, maka akan Aku permudahkan untuknya jalan ke Syurga"

Hadis riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah r.a

Ibu bapa adalah kepentingan kedua yang perlu manusia dahulukan sebelum yang lainnya. Untuk mendapatkan keberkatan dalam mencari ilmu, restu ibu bapa amat penting untuk mengiringi umat-Nya terus kehadapan tanpa liku dan ranjau yang rumit. Pengorbanan ibu dan bapa hendaklah kita hargai dan membala jasa mereka dengan tidak melupakan kasih sayang mereka. Kekayaan tidak menjamin terlerainya kerinduan mereka kepada anak-anak. Ibu bapa perlukan perhatian yang tinggi

umpama menjaga seorang bayi. Jiwanya sensitif, ingin sentiasa mendapat perhatian daripada anak-anak. Ini menunjukkan kepada ibu bapa bahawa segala susah payah mereka sentiasa dihargai.

Penulisan buku ini bukan sahaja penting untuk para pelajar serta para graduan malah untuk setiap manusia yang meminjam udara Allah untuk bernafas. Ilmu tidak terhad dan manusia dituntut untuk menimba ilmu hingga ke negeri China. Rasulullah S.A.W juga menuntut imu setiap hari dan berkongsi ilmu dengan orang lain. Segala urusan memerlukan persediaan awal untuk lebih fokus dan konsisten. Ia juga melatih agar kita sentiasa bersedia dengan segala kemungkinan yang berlaku di luar dugaan. Kita harus pandai dalam pengurusan masa terutama waktu untuk menunaikan solat, merancang untuk tidak diganggu oleh persekitaran seperti jiran, anak-anak, telefon bimbit, televisyen dan sebagainya. Kita juga perlu kecerdasan minda dengan beriadah bersama keluarga serta bercampur dengan masyarakat setempat. Allah telah berlaku adil dengan memberikan kita 24 jam sehari maka kuasailah masa dan jangan biarkan masa menguasai kita. Dalam menuntut ilmu, pengorbanan memerlukan kekuatan mental dan fizikal yang kuat. Manusia perlu sentiasa muhasabah diri dengan sujud kepada-Nya kerana Allah selalu mengingatkan hamba-Nya untuk selalu berkorban seperti terpaksa menghadkan masa bersama anak-anak, isteri dan masyarakat sekeliling.

Setelah berjaya, kita tidak layak untuk membanggakan diri dengan setiap kurniaan-Nya. Manusia perlu sentiasa merendah diri, tidak ego, tidak kedekut ilmu dan bersedekah adalah jalan terbaik untuk menyucikan hati. Bersyukur kepada-Nya kerana limpah kurnia-Nya kita berada di tahap yang selesa. Yang miskin bukan hukuman dari Allah dan yang kaya bukan penghargaan dari Allah. Allah sentiasa memberi ruang dan peluang untuk manusia keluar dari kepompong lama dan berusaha mencapai kejayaan hakiki. Kita perlu menghiasi diri dengan ilmu dan takwa. Syurga hebat dijanjikan untuk insan yang meletakkan takwa sebagai panduan hidup.

"Izinkanlah pintu hati dibuka untuk melihat keluasan rahmat dan kasih sayang Allah. Insan yang kaya adalah insan yang menerima keberkatan hidup, redha ayah ibu dan


sentiasa seronok mendampingi Allah setiap masa. Sesungguhnya zikir dan doa mampu meleburkan hati walaupun sekeras kerikil”

Pengulas:

Norlida Jamaludin

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



SYAHRIL JANI
Idea Bisnes Kreatif : Serlahkan Bisnes Anda Dengan Sentuhan Idea Kreatif Dan Inovatif
Petaling Jaya : True Wealth, 2010. 209ms.
ISBN 978-983-33649-85

ULASAN

Syahril Jani sebelum ini pernah menulis buku *Eksplotasi Peluang Menjadi Wang*. Graduan lulusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini amat minat mendalami bidang idea kreatif dan inovatif. Buku ini merupakan himpunan 90 idea-idea perniagaan kreatif untuk memberi inspirasi serta mencambahkan idea-idea pembaca. Selain itu, penulis juga berharap buku ini dapat dijadikan perangsang kepada pembaca untuk mengeksplorasi idea-idea kreatif mereka, sama ada untuk memperbaiki perniagaan sedia ada, menambah bilangan pelanggan, mengembangkan perniagaan atau mencipta perniagaan baru.

Setiap idea perniagaan disertakan contoh yang berjaya tidak kira secara kecil-kecilan mahupun besar-besaran terutama di Malaysia dan juga luar negara. Walaupun idea yang diketengahkan ini kelihatan amat biasa namun peluang untuk diketengahkan amat luas. Penerangan idea yang diberikan agak ringkas serta mudah difahami. Penulis turut mengupas konsep perniagaan bergerak. Cara perniagaan lama yang

biasa menunggu pelanggan datang, tidak sesuai lagi, di sebaliknya perniagaan itu sendiri yang perlu pergi kepada pelanggan. Contoh paling mudah adalah restoran makanan segera seperti *McDonald's* dan *Pizza Hut*. Kebanyakan konsep perniagaan bergerak ini belum terdapat di Malaysia dan merupakan idea-idea dari luar negara.

Sesuai dengan teknologi moden sekarang, perniagaan yang sedia ada boleh ditambah nilai menggunakan konsep yang sesuai. Begitu juga dengan penciptaan baru bagi memenuhi kehendak pasaran. Idea-idea seperti tilam herba, kasut bernafas (di Itali), kios akhbar harian, khidmat pesanan makanan secara *online* dan penciptaan pinggan yang boleh dimakan adalah antara idea-idea perniagaan yang berinovasi teknologi.

Penulis turut menekankan tentang penamaan produk dan perniagaan secara kreatif. Perniagaan yang mempunyai nama yang unik akan lebih mudah diingati pelanggan. Ditambah pula dengan mutu perkhidmatan serta produk yang baik. Selain itu, kualiti yang ditawarkan juga perlulah seiring dengan perkhidmatan serta produk.

Penulis turut menyentuh faktor soal harga kerana pelanggan sering mementingkan soal harga terlebih dahulu diikuti dengan soal kualiti. Penulis juga mencadangkan kaedah *sale by volume* tanpa menaikkan harga dengan memberi keutamaan kualiti produk.

Secara keseluruhan, buku setebal 209 halaman ini amat sesuai bagi mereka yang tercari-cari bentuk atau bidang perniagaan yang ingin diceburi. Penulis turut memuatkan petikan kata-kata dari tokoh-tokoh usahawan terkenal seperti Dato' Tony Fernandez, Irfan Khairi dan Tun Dr. Mahathir Mohamed.

Pengulas:

Haminani Abdul Rajab

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MASAYU AHMAD

Jana RM Dari Rumah

Shah Alam : Oasis Books, 2010. 236ms.
ISBN 978-967-5711-01-5

ULASAN

Memegang status bekerja dari rumah mungkin menjadi impian setiap orang tanpa mengira jantina ataupun umur. Buku ini menerangkan bagaimana untuk mencari idea dan peluang kerjaya yang sesuai berdasarkan kepada minat, kepakaran, pengalaman dan taraf pendidikan.

Perkembangan ilmu-ilmu baru telah membuka banyak ruang perniagaan bagi menjana pendapatan dari rumah. Kupasan-kupasan yang diketengahkan oleh pengarang buku ini kepada orang ramai yang ingin membina karier dari rumah adalah seperti menganalisis sama ada memilih untuk bekerja atau mengusahakan perniagaan, mengenalpasti persediaan bekerja dari rumah melalui kaedah 4W+1H iaitu apa, bila, di mana, siapa dan bagaimana. Asas-asas persediaan dan penyelidikan perlu dilakukan sebelum mula bekerja dari rumah, testimoni yang sudah berjaya bekerja dari rumah serta rangkaian yang perlu anda dampingi sebagai penyokong usaha bekerja dari rumah.

Buku ini mempunyai 19 bab yang kesemuanya amat menarik dan akan memberi penerangan lengkap kepada pembaca sekiranya ingin berkerja dari rumah. Ianya merupakan langkah awal kepada pembaca yang ingin menceburi bidang ini dalam meningkatkan pengetahuan tentang perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil kira sekiranya ingin menceburi bidang ini.

Pengarang mengupas perkembangan semasa yang menjadi ikutan ramai untuk menceburi jenis pekerjaan dari rumah. Ini sekaligus dapat memberi kepuasan kepada suri rumah untuk menceburkan diri dalam bentuk perniagaan ini tanpa menjaskan tugas hakiki untuk menguruskan rumahtangga. Buku ini juga menerangkan kepada pembaca supaya menentukan matlamat serta manfaat yang dapat diperolehi hasil daripada perniagaan. Ia bagi memastikan pekerjaan yang diceburi dapat memberi kebebasan kepada mereka dan tidak mengganggu tugas harian dan perhubungan keluarga.

Kini, profesi sebagai suri rumah dianggap sebagai profesi yang hebat. Suri rumah bukan sahaja menjadi tukang masak, akauntan, pengasuh, kaunselor dan tukang kemas rumah tetapi juga meningkatkan taraf ekonomi sesebuah keluarga melalui pekerjaan dari rumah. Perkembangan karier akan dapat ditingkatkan lagi melalui suasana kerja yang seronok dan teratur, merancang kegiatan harian, melakukan sesuatu untuk diri sendiri, mengelakkan urusan rumah tangga mendominasi urusan kerja dan menghormati masa yang telah ditetapkan.

Pengarang turut membincangkan tentang pilihan untuk menjana pendapatan dari rumah. Contoh pekerjaan yang boleh dilakukan dari rumah ialah seperti menulis, menterjemah, perkhidmatan rundingan atau ejen insurans dan konsep perniagaan yang boleh diceburi ialah seperti membuka salun kecantikan dan bermiaga secara atas talian. Pilihan kerjaya dari rumah adalah di tangan pembaca sendiri dan tiada siapa berhak menghalang atau menidakkannya keputusan yang telah diambil. Pengarang banyak menekankan pemilihan perlulah berdasarkan kepada matlamat seseorang itu untuk bekerja.

Buku ini turut menyentuh mengenai perniagaan berskala kecil. Perniagaan jenis ini merupakan pilihan yang tepat bagi menjana wang dari rumah memandangkan perniagaan ini hanya memerlukan modal yang kecil, tidak memerlukan pekerja dan mudah dilaksanakan. Beberapa tip untuk berjaya sebagai usahawan dari rumah turut diberikan seperti menawarkan produk unik di pasaran, serlahkan produk, serta program dan kumpulan sokongan, sentiasa mahu belajar, latihan dan kemahiran berterusan dan kuasai promosi dan pengiklanan.

Pengarang turut menyatakan beberapa cabaran yang akan ditempuh sekiranya pembaca ingin menceburi bidang ini, selain turut memberikan motivasi untuk sukses agar tidak mudah patah semangat. Cadangan beberapa rangka perancangan perniagaan turut dimuatkan untuk pembaca menilai kesesuaian peniagaan mereka.

Buku setebal 236 halaman ini sesuai dibaca oleh kaum wanita yang baru berjinak-jinak ataupun yang berhasrat untuk memahami kaedah menjana wang dari rumah. Buku ini turut memberi tip untuk berjaya dalam bidang ini di samping motivasi bagi menyuntik semangat untuk terus berjaya di kalangan pembaca.


Pengulas:

Mohamad Sharizal Omar

Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



H.M. TUAH ISKANDAR

Jom Jaguh

Shah Alam : Alaf 21, 2010. 245ms.
ISBN 978-983-124-500-2

ULASAN

Buku *Jom Jaguh* merupakan hasil karya HM Tuah Iskandar al-Haj. Penulis memilih tajuk ini untuk memotivasi pembaca agar sentiasa berfikir menjadi jaguh yang bermaksud paling baik antara yang terbaik. Bahasanya amat mudah dan senang difahami. Ianya juga merupakan kesinambungan daripada buku beliau yang bertajuk *Jom Mengetop*.

Buku ini merupakan bacaan berbentuk santai yang amat sesuai untuk santapan minda bagi mereka yang kurang berminat untuk membaca bahan bacaan yang berat. Penyampaian buku berpaksi kepada kisah benar yang berlaku di seluruh dunia. Ianya mengandungi 116 bab yang menghuraikan idea-idea serta kisah-kisah yang dijadikan sebagai sumber inspirasi untuk menjadi seorang jaguh untuk mencapai kecemerlangan hidup.

Antara topik yang dibincangkan dalam buku ini ialah berkaitan dengan pengurusan kewangan dan pendapatan. Penulis telah memberi beberapa panduan tentang cara-cara untuk menambah sumber pendapatan yang lebih dalam usaha memantapkan pendapatan diri dan keluarga. Beliau juga turut menyarankan agar kita sentiasa menjadi seorang yang sentiasa bijak dalam mengambil peluang untuk mempelajari apa juga bentuk kemahiran. Hal ini sebagai persediaan untuk menempuh alam kerjaya.

Selain itu, buku ini juga turut memberikan beberapa contoh yang boleh dijadikan sumber inspirasi dan motivasi pembaca. Penulis menyentuh mengenai kehidupan dan semangat diri seseorang yang berusaha untuk mencapai kejayaan sehingga menjadi seorang jaguh. Beliau turut membangkitkan semangat pembaca dengan memberi contoh bahawa belajar itu tidak mengira usia dan semua orang mampu menjadi jaguh sekiranya ada kemauan dan usaha untuk mencapai matlamat hidup. Selagi kita mahu berjaya, selagi itu kita mampu menjadi orang yang luar biasa dalam hidup.

Penulis juga turut menyentuh soal emosi dan kaitannya dengan motivasi diri seseorang. Dalam hal ini, beliau menyatakan perlunya kita menjauhi hal-hal yang menyedihkan dan harus berusaha untuk sentiasa gembira. Dalam keadaan emosi yang stabil seseorang akan mampu menjana pemikiran dan idea yang lebih menarik dan panjang umur. Justeru, kita mampu menaikkan semangat dan membawa ke arah kecemerlangan.

Buku ini juga memberi tafsiran mengenai sifat dan peribadi setiap individu berdasarkan bulan lahir. Ianya bertujuan untuk merangsang semua yang baik dan menjadi insan baik serta seorang yang hebat. Melalui huraian mengenai sifat-sifat seseorang berdasarkan bulan lahir, penulis mengajar kita untuk lebih mengenali diri, rakan dan pasangan kita.

Penulis juga turut memuatkan tip untuk hidup secara sihat dan membebaskan diri daripada tekanan yang kadangkala boleh mengundang kepada gangguan kesihatan mental. Beliau menyatakan muzik yang sesuai mampu memberi ketenangan kepada diri kita. Selain itu, beliau juga turut membincangkan perkara-perkara yang harus dibataskan dalam hidup kita dan perkara-perkara yang tidak harus kita lakukan. Ianya boleh dijadikan panduan untuk mengurus kehidupan diri dan keluarga agar dapat menilai apa yang perlu dan tidak perlu dalam kehidupan sehari-hari.

Dari segi agama pula, penulis turut menekankan pentingnya soal agama dalam membina peribadi yang cemerlang agar kita menjadi seorang jaguh. Beliau menyatakan perlunya sentiasa mendekatkan diri dengan ilmu agama kerana ianya mampu membina peribadi yang cemerlang dan kekuatan diri dalam usaha menjadi yang terbaik.

Ringkasnya, buku ini merupakan buku motivasi yang amat santai sebagai santapan minda untuk memantapkan diri serta memberi semangat untuk menjadi jaguh sama ada dalam kerjaya, pelajaran dan aspek kehidupan yang lain. Ianya sesuai untuk semua peringkat umur sama ada remaja ataupun dewasa dan amat menarik sebagai sumber inspirasi dan motivasi diri untuk menjadi individu jaguh dalam hidup.


Pengulas:

Cherana anak Moh

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



RUHANA ZAKI
Kasihmu Semerbak Firdausi
Shah Alam : Karya Bestari, 2010. 349ms.
ISBN 978-967-86-0338-6

ULASAN

Buku *Kasihmu Semerbak Firdausi* ini ditulis oleh Ruhana Zaki yang merupakan penerima Anugerah Khidmat Cemerlang dan Anugerah Guru Pendidikan Islam peringkat Negeri Selangor 2009 yang sentiasa berpegang pada "syurga ada di telapak kaki bonda, restu dalam hati ayahanda, ingin dikucup kedua-duanya". Beliau menambah keyakinan bahawa doa restu ayah ibu amat penting dalam menentukan kejayaan kita.

Kasihmu Semerbak Firdausi mengajak kita menghayati betapa sucinya kasih ayah dan ibu. Hargailah mereka ketika denyut nafas masih dipinjam-Nya dan teruslah berbakti meskipun jasad mereka sudah reput dimamah bumi. Izinkan kenangan indah bersama insan rabani ini terus hidup dalam jiwa kita. Di sebalik kita mengejar duniaawi, usah sekali lupa pada insan yang paling berjasa dalam sejarah hidup kita. Buku ini mempunyai kekuatan dari segi fakta dan penghuraian dalam setiap bab yang pasti memberikan satu daya tarikan dan akan membuatkan pembaca menghayati ayat-ayat puitis yang diungkapkan untuk menjadi pengajaran kepada anak-anak generasi baru

pada masa kini.

Ianya memberi gambaran bagaimana setitis air mata kesedihan ayah ibu yang tumpah kerana kita, berapa langkah sudah terjarak kita daripada reda dan syurga-Nya. Ayah dan ibu...pada mereka ada syurga buat kita. Jasa mereka tidak terhitung, bakti mereka tidak ternilai. Betapa makbulnya doa ayah ibu hingga kita mampu hidup bahagia. Namun, andai terguris hati kecil mereka, bisa membuka pintu kegagalan dan dosa.

Selain itu, penulis terpanggil untuk turut berkongsi ilmu dan pengalaman agar kita dapat sama-sama mengambil iktibar berdasarkan apa yang terjadi di sekeliling kita saban hari dalam menyampaikan karya yang berkonsep islamik yang santai penyampaiannya. Beliau menggunakan gaya bahasa yang mudah, terus terang dan berkesan dalam menyampaikan sesuatu hujah. Setiap pandangan beliau turut disertakan dengan contoh petikan ayat-ayat al-Quran dan hadis bersama dengan maksudnya bagi memudahkan lagi pemahaman para pembaca.

Kasihmu Semerbak Firdausi amat mudah difahami dan diikuti. Buku ini sesuai dijadikan panduan oleh semua khalayak pembaca sama ada para remaja, golongan dewasa dan semua yang berminat meningkatkan kualiti hidup bersama dalam mengeratkan hubungan jalinan kasih sayang sesama kita. Ianya mengandungi 34 bab yang dimulakan dengan menyentuh secara komprehensif mengenai Sesuci Kasih Ayah Ibu dan juga turut disertakan dengan gubahan sajak yang penuh dengan kata-kata nasihat yang ditujukan khas buat insan bernama Ayah dan Ibu.

Melalui *Kasihmu Semerbak Firdausi* ini, penulis mengajak kita bersama-sama bertafakur dan bermuhasabah diri sejenak untuk menyedarkan bahawa kita hidup di atas dunia ini berpunca daripada ayah dan ibu. Kita berjaya kerana restu dan doa mereka, jadi apa salahnya kita berbakti kepada mereka selagi mereka masih dipinjamkan-Nya. Andai mereka pergi sebelum kita sempat berbuat apa-apa penyesalan sudah tidak berguna lagi.

Justeru itu, pesanan terakhir penulis kepada pembaca supaya menghargai jasa ibu dan ayah yang tidak terhingga kerana mendidik dan membesarkan anak-anak dengan

penuh restu dan kasih sayang. Sesungguhnya, ayah dan ibu adalah insan yang berjasa dalam setiap helaan hembusan nafas terakhir. Sebagai anak, usah sesekali menitiskan air mata ayah dan ibu, kerana langkah kita bergantung pada restu dan redha mereka. Pintu syurga dibuka luas untuk anak-anak yang soleh. Bidadari syurga mengalu-alukan kedatangan anak-anak yang taat ke dalam syurga firdausi yang didamba semua.

Pengulas:

Nurhafiza Jalil

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Khidmat Pelanggan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



WARDINA SAFIYYAH
Mama, Saya Lapar
Shah Alam : Alaf 21, 2010. 166ms.
ISBN 978-983-124-566-8

ULASAN

Buku selebriti! Tajuk yang dipilih sudah menjelaskan apa yang bakal disampaikan oleh penulis dalam hasil karyanya yang pertama. Apa yang ingin dikongsikan oleh penulis sudah pasti akan mewujudkan suatu persamaan dengan para pembaca, namun penggunaan fakta sokongan daripada pakar pemakanan nyata memberi nilai tambah kepada hasil karya penulis. Belajar dari kesilapan dan berusaha menjadi dan memberikan yang terbaik untuk anak-anak adalah sesuatu yang diharapkan dalam hasil karya ini.

Karya ini mempunyai 14 bab, yang merangkumi tiga asas penting dalam perkembangan kanak-kanak iaitu bagaimana golongan ibu dapat memupuk nilai positif di dalam diri anak-anak dengan nilai keagamaan, sosial dan kekeluargaan yang baik. Keduanya bagaimana ibu bapa dapat mencerahkan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada anak-anak dalam apa juu keadaan dan yang terakhir bagaimana ibu bapa dapat membentuk keyakinan diri anak-anak supaya mereka

dapat menempuh cabaran hidup bermula dari bayi sehingga dewasa.

Penulis mengajak pembaca berfikir dan mengenali tabiat pemakanan anak-anak, beberapa contoh kes digunakan pasti memberi idea baru kepada pembaca bagaimana untuk menghadapi sesuatu keadaan. Makanan ringan atau *junk food* turut dihuraikan, apa yang menyebabkan makanan ini bukan merupakan pilihan terbaik, dan mengapa pemakanan sayur-sayuran dan buah-buahan perlu menjadi pilihan utama golongan ibu. Penulis banyak menggunakan fakta sokongan bagi mengukuhkan mengapa pilihan sayur-sayuran dan buah-buahan harus menjadi keutamaan yang amat penting.

Penulis berkongsi pengalamannya dalam penyediaan sarapan pagi untuk dua (2) orang anaknya. Sarapan pagi merupakan aspek penting yang seharusnya diberikan perhatian oleh pembaca. Seterusnya penulis menghuraikan kepentingan air di dalam sistem pemakanan dan dituruti dengan bab makanan seimbang dan tambahan bagi anak-anak serta khasiat susu ibu dalam tumbesaran anak-anak. Pengalaman dan idea baru turut diselitkan di dalam setiap huraian bab, selain beberapa contoh kes dan info penting yang dikongsi bersama dengan pembaca. Penulis mewujudkan sub topik di dalam bab ini bagi memudahkan lagi penyampaian maklumat kepada pembaca.

Penulis turut menghuraikan bagaimana ibu bapa perlu bertindak sekiranya anak-anak sakit. Ini kerana di waktu begini kebanyakan anak-anak amat cerewet dalam soal pemakanan. Saat ini juga memerlukan tindakan bijak dari ibu bapa dalam memilih dan memberi antibiotik kepada anak-anak, selain mempunyai pengetahuan mengenai jenis-jenis penyakit yang biasa di kalangan anak-anak. Penulis turut menyelitkan cerita mengenai ketabahan dua (2) orang ibu menghadapi waktu-waktu anak mereka sakit. Perkongsian cerita ini mempunyai maksud yang tersirat, di mana secara tidak langsung ia melahirkan rasa syukur atas rahmat kesihatan yang diberikan kepada anak-anak yang sihat.

Penulis seterusnya menyentuh dan menghuraikan secara mudah mengenai perancangan pemakanan. Penulis berkongsi pengalaman dan memberi beberapa

idea kepada ibu bapa bagaimana untuk membuat perancangan pemakanan anak-anak. Lima (5) langkah mudah bagi memastikan perancangan pemakanan dilaksanakan turut dikongsi bersama pembaca. Penulis turut menegaskan apa yang perlu dan tidak perlu dibuat oleh ibu bapa agar setiap ilmu yang telah dikongsi bersama dapat dimanfaatkan. Penulis menamatkan tulisannya dengan topik makanan pejal semula jadi kepada anak-anak. Penulis memuatkan fakta mengenai keperluan makanan mengikut peringkat umur anak-anak selain menyelitkan beberapa menu mudah untuk dicuba oleh pembaca.

Penggunaan bahasa yang mudah dan ditambah dengan penggunaan grafik yang menarik merupakan teknik yang berupaya membuat pembaca untuk terus menyelak helaian di dalam buku ini. Nyata penulis mengguna dan menurunkan semua ilmunya di dalam mendidik tiga (3) cahaya matanya secara ikhlas dengan para pembaca. Perkongsian ilmu ini pasti memberi manfaat yang amat besar kepada pembaca.


Pengulas:

Norazlin Naseri

Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pelanggan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



RAZALI RAZMAN
**Panduan Pelaburan Unit Amanah :
Bagaimana Untuk Melabur Dalam Unit
Amanah Dengan Bijak, Tepat Dan Efektif**

Petaling Jaya : True Wealth, 2010. 199ms.
ISBN 978-967-5428-20-3

ULASAN

Buku ini cuba berkongsi panduan strategik bersama para pembaca untuk melabur dalam unit amanah dengan bijak, tepat dan efektif. Ia mendidik para pelabur agar hanya membuat pelaburan yang serba maklum iaitu lengkap dengan analisis dan penilaian yang sewajarnya. Pelabur akan lebih memahami selok-belok pelaburan unit amanah selain sekadar bergantung kepada ejen atau penasihat kewangan.

Penulis banyak menekankan aspek pengetahuan pelaburan iaitu unit amanah bagi memberi maklumat atau meningkatkan kefahaman terhadap orang ramai yang ingin berkecimpung di dalam pelaburan unit amanah. Penulis juga mengupas topik ini di mana ramai pelabur unit amanah sebenarnya tidak begitu maklum pelaburan yang mereka buat. Kebanyakan mereka bergantung penuh kepada ejen unit amanah atau penasihat kewangan. Pelaburan sebegini mengundang risiko yang besar walaupun unit amanah boleh membantu kita membina kekayaan dan ia juga berpotensi mengakibatkan kerugian.

Melalui pengalaman ini maka, penilaian dan analisis yang wajar perlu dibuat sebelum melabur. Pelaburan yang serba maklum dan bijak adalah sangat penting bagi menjamin seorang pelabur mendapat manfaat sepenuhnya kepada pelaburan unit amanah.

Di dalam buku ini juga, penulis ada membuat kajian dan meninjau segala unit amanah yang ada di pasaran dan mengupasnya secara terperinci di dalam memberi gambaran yang jelas kepada para pelabur demi menjamin wang yang dilaburkan mendapat pulangan yang sewajarnya.

Penulis juga telah mengumpul maklumat yang wajar dan menasihati para pelabur agar menjalankan kajian dengan mengumpul segala maklumat sebelum membuat pelaburan dana di dalam sesuatu syarikat ataupun organisasi. Ini bagi menentukan pulangan yang sesuai dan patut diterima berasaskan kepada jenis dana yang dilaburkan.

Kupasan mengenai pelaburan yang ingin dilaksanakan oleh seseorang pelabur dibincangkan secara mendalam dengan mengambil kira maklumat dana pihak ketiga iaitu syarikat atau organisasi yang ingin membuka pelaburan kepada pelabur-pelabur yang ingin bersama-sama menyertai syarikat tersebut. Maklumat-maklumat pihak ketiga ini amat penting kepada pelabur untuk menilai kebolehpercayaan dan kebolehgantungan kedudukan kewangan dan kekuahan sesebuah organisasi atau syarikat itu.

Pelabur juga dinasihatkan agar menentukan kos dan mengira pulangan yang akan diperolehi hasil daripada pelaburan yang dibuat dengan mengambil kira kos minimum yang dilaburkan akan memberi pulangan yang optimum kepada mereka. Pelabur juga diingatkan untuk mengkaji atau meninjau pasaran atau ekonomi semasa bagi menentukan kesesuaian masa untuk membuat pelaburan. Ini adalah penting bagi menentukan kedudukan ekonomi semasa yang stabil dan meyakinkan kepada para pelabur untuk terus melabur di dalam sesuatu organisasi atau pun syarikat.


Kedudukan dana ataupun prestasi kedudukan dalam sesuatu tempoh masa juga perlu diambil kira iaitu kira-kira lima puluh peratus daripada keperluan dana terapung di dalam sesebuah syarikat amat penting sekiranya ingin melabur atau menambah dana pelaburan. Ini bagi menjamin konsistensi pertumbuhan pelaburan yang akan diperolehi oleh pelabur dalam sesuatu tempoh pelaburan.

Penilaian seterusnya ialah penilaian prestasi berbanding dengan tanda aras. Tanda aras merupakan pengukur kepada indeks pasaran atau kecairan sesuatu modal untuk digunakan bagi mengurustadbir atau menjalankan sesuatu pelaburan. Selalunya indeks penanda aras akan dibuat di dalam jangkamasa yang panjang. Ini bermakna pelabur tidak akan mendapat sebarang keuntungan ke atas pelaburan yang dibuat dalam jangkamasa pendek.

Pengulas:

Rozlinah Ismail
Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



JOHAN DANIEL **Ruang Jadi Peluang : Mencipta Kesempatan Dalam Kesempitan**

Shah Alam : Alaf 21, 2010. 242ms.
ISBN 978-983-124-390-9

ULASAN

Buku bertajuk *Ruang Jadi Peluang* merupakan karya Johan Daniel, seorang graduan lulusan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) dari Universiti Malaysia Sabah. Buku ini ditulis menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami dan terdapat juga beberapa fakta yang menarik pembaca untuk meneruskan pembacaan.

Buku ini memfokuskan mengenai panduan dan cadangan untuk membantu pembaca berfikir mengenai keupayaan diri sendiri mengikut perspektif pembaca. Pembaca juga dibawa untuk berfikir bagi mengambil kesempatan dan ruang untuk mengubah kehidupan menjadi lebih baik walaupun berdepan dengan pelbagai masalah dan cabaran.

Tujuan buku ini adalah untuk membuka minda pembaca bagi memanfaatkan setiap peluang. Terdapat lima jenis keupayaan yang dibincangkan dalam buku ini iaitu keupayaan untuk melambangkan, keupayaan untuk merancang, keupayaan untuk

meneladani, keupayaan untuk mengatur dan keupayaan untuk merefleksi.

Terdapat empat faktor yang diketengahkan oleh penulis bagi mencetuskan keyakinan iaitu melalui pengalaman masteri, teladan, galakan dan faktor-faktor psikologi. Penulis juga membawa pembaca untuk berfikir serta menukarkeyakinan kepada tindakan dengan mengambil langkah bagi mengaktifkan keyakinan yang dibina.

Penulis juga ada mengupas tentang krisis nilai dalam memberi ganjaran kepada tingkah laku yang betul untuk memperoleh kehidupan yang baik bagi membina diri untuk berbudaya maju. Ganjaran kepada tingkah laku yang betul dan baik ini akan memberi pulangan yang besar sekiranya melakukan perkara-perkara yang betul pada masa yang betul. Ini dinamakan produktif di dalam pembahagian tugas demi mengejar masa dan berusaha mencari pekerjaan dengan menggunakan sumber-sumber yang ada. Sama ada sumber yang tidak kelihatan dan sumber-sumber yang kelihatan.

Merancang masa depan merupakan satu proses mentransformasikan kehidupan yang berterapkan paksi yang kukuh dalam mengejar kejayaan. Transformasi kehidupan juga bermakna seseorang itu tidak lagi terperap di dalam penipuan ataupun menjadi seperti lebai malang di mana ayamnya menang tapi negaranya tergadai. Pengarang juga menyarankan agar kita mengikut resmi padi semakin berisi semakin tunduk di dalam menjalan kehidupan sebagai umat manusia di muka bumi ini.

Penulis juga menyarankan agar persediaan awal dari segi zahiriah atau ilmiah perlu dilengkapkan di dalam diri seseorang itu dengan menggariskan sepuluh persediaan dalam memberi dan menambah nilai kehidupan kepada seseorang itu. Ruang akan menjadi peluang sekiranya seseorang tu pandai menggunakan pelbagai sumber yang ada dengan kepintaran ilmiah dalam menukar atau menentukan hala tuju serta matlamat hidup.


Secara keseluruhan, harapan penulis agar buku yang diterbitkan ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pembaca untuk maju kehadapan, mengubah pemikiran

yang pasif, lesu dan untuk menghasilkan pemikiran yang aktif, proaktif dan kreatif.

Pengulas:

Sabariah Khairuddin
Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



OSMAN AFFAN

Teknik Memori Smartstudy

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2010.

222ms.

ISBN 978-967-369-020-6

ULASAN

Teknik Memori Smartstudy adalah nukilan Osman Affan yang membincangkan isu untuk mengawal pemikiran otak untuk menyimpan memori seseorang individu. Penulis mengupas tentang bahasa yang digunakan oleh memori kita untuk berkomunikasi dengan tubuh melalui tingkah laku dan perbuatan seorang individu.

Memori ini dapat digunakan oleh pemikiran ataupun otak manusia dengan menggunakan bahasa, pertuturan yang difahami mengikut sosio budaya dan pemahaman seseorang. Melalui bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil ataupun bahasa Cina juga tidak dapat dibuktikan bagi memori berkomunikasi. Ini dapat dibuktikan melalui kajian oleh pakar memori dunia iaitu Kevin Trudeau menyatakan bahawa komunikasi adalah lebih cepat melalui gambar.

Teknik Memori Smartstudy adalah ciptaan Osman Affan hasil gabungan kerja serta ilham beribu-ribu pelajar dalam program *smartstudy memory skill*. Buku ini turut dikupas dengan memuatkan ilustrasi-ilustrasi menarik lagi melucukan untuk menarik

lebih ramai pembaca untuk mendalami program ini.

Tip mengingat latihan serta contoh bagi setiap teknik juga turut dimuatkan dalam buku ini bagi memberi gambaran yang lebih jelas kepada pembaca untuk menilai dan memahami setiap kupasan dan isu-isu yang dibangkitkan dalam memori *smartstudy*.

Prinsip asas yang digunakan dalam menterjemahkan tahap mengingat ataupun memori seseorang itu adalah berbeza-beza mengikut peringkat umur, sosio budaya serta tahap pendidikan seseorang individu itu.

Buku ini juga melatih seseorang individu itu menyoal dan mencari cara yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan meningkatkan fungsi otak agar lebih peka kepada perkara-perkara yang remeh.

Penulis juga menekankan agar individu itu tidak perlu takut untuk melakukan kesalahan. Ini kerana melalui kesalahan kita lebih cepat belajar dan faham tentang kebaikan dan keburukan sesuatu perkara itu. Ini akan menjadikan seseorang itu lebih kreatif dan lebih berhati-hati dalam menentukan tingkah laku semasa menjalankan kerja-kerja seharian.

Jika dibandingkan dengan cara pembelajaran biasa, teknik memori *smartstudy* ini adalah teknik yang membolehkan seseorang itu mudah faham serta menghafal tanpa menggunakan masa yang lama. Ini akan menjimatkan masa dan meningkatkan lagi keyakinan seseorang individu untuk terus maju melalui pembelajaran yang kreatif dengan menggunakan teknik memori *smartstudy*.

Teknik ini menggabungkan banyak teknik-teknik lain seperti teknik akronim, akrostik, aldionim, bahasa memori, gambar serta nombor yang ceria bagi mengasah dan meningkatkan ketajaman mata untuk mengingat dan mengenal sesuatu perkara. Menurut kajian psikologi, dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti tersebut, perkara-perkara yang sukar diingat dan dihafal dapat dilakukan dengan mudah sekali. Ini dapat dibuktikan oleh Dr. Gunther Karsten dari Jerman yang memecahkan rekod dunia dengan menghafal sekumpulan nombor iaitu sebanyak 1,949 digit dalam masa

satu jam.

Di akhir buku ini juga pengarang ada menyelitkan contoh-contoh soalan untuk dibuat latihan oleh pembaca sekiranya ingin mengasah memori mereka dengan menggunakan teknik memori *smartstudy*. Pengguna tidak perlu bimbang sekiranya pendapat ini berbeza-beza kerana pemahaman setiap individu adalah berbeza, asalkan maksud yang disampaikan dalam gambarajah yang disediakan dapat difahami dengan jelas.


Pengulas:

Noorzaimah Razali

Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



OSMAN AFFAN

Tip Belajar Saat Akhir

Batu Caves, Selangor : PTS Millenia, 2010. 179ms.
ISBN 978-967-5564-03-1

ULASAN

Osman Affan merupakan seorang jurulatih profesional dalam bidang motivasi dan teknik kemahiran belajar. Beliau mengasaskan *smartstudy* pada tahun 2003 di mana beliau mengajar teknik-teknik kemahiran belajar dan motivasi kepada pelajar pada peringkat sekolah rendah, menengah, kolej dan universiti. Beliau merupakan graduan Accounting & Finance dari University of Plymouth, United Kingdom dan memiliki sarjana dalam bidang Counseling & Guidance dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Melalui buku ini, penulis memberi tip cara belajar pada saat akhir. Menurut penulis pelajar perlu bijak membahagi masa untuk mengulang kaji pelajaran dan secekap mungkin mengingati fakta penting sebelum peperiksaan bermula. Pengurusan diri dalam merancang teknik pembelajaran yang sistematik dan berkesan juga penting agar pelajar sentiasa dalam keadaan bersedia untuk menghadapi peperiksaan. Pada tahap ini, pelajar digalakkan belajar secara berkumpulan. Sesi soal jawab bersama

rakan serta membuat latih tubi bersama-sama boleh membantu seseorang pelajar meningkatkan daya ingatan dan juga memahirkan dari segi teknik menjawab soalan peperiksaan. Tip dan langkah yang diberikan sedikit sebanyak dapat mengurangkan perasaan gelisah dan kurang fokus kepada pelajar ketika menghadapi hari pertama peperiksaan .

Penulis seterusnya turut memberikan teknik membaca yang paling berkesan di samping penggunaan nota ringkas, kad imbas dan cerita kreatif yang mudah dipraktikkan oleh para pelajar. Sekiranya pelajar belajar pada saat akhir, adalah lebih baik sekiranya pelajar berjumpa dengan guru sambil berbincang teknik menjawab soalan mengikut bentuk soalan peperiksaan. Di samping itu, beberapa petua turut diberikan untuk memudahkan pelajar mengingati pelajaran seperti menggunakan teknik kata kunci daripada membaca keseluruhan bab-bab dalam sesuatu mata pelajarannya.

Penulis turut menyatakan pentingnya untuk menjaga kesihatan diri menjelang peperiksaan. Persiapan dari segi mental dan fizikal juga boleh mengurangkan perasaan gemuruh dan gementar ketika menghadapi peperiksaan. Amalan pemakanan juga perlu dititikberatkan agar fizikal kita sentiasa sihat dan minda sentiasa cergas. Amalan surah-surah al-Quran adalah digalakkan supaya pelajar mendapat ketenangan ketika menghadapi peperiksaan. Tubuh badan yang sihat, hati yang tenang dan fizikal yang mantap boleh membantu seseorang pelajar itu bersedia menghadapi peperiksaan. Emosi diri juga perlu dikawal semasa mengulangkaji pelajaran supaya pelajar tidak tertekan atau stres kerana belajar pada saat akhir menjelang peperiksaan. Pelajar juga perlu yakin di atas segala usaha dan perancangan yang telah dilakukan agar pelajar dapat menjawab peperiksaan dengan jayanya.


Buku yang mengandungi 21 bab sedikit sebanyak telah membantu golongan pelajar terutamanya dalam mencari alternatif untuk mengulangkaji dalam masa yang singkat. Segala tip dan petua yang diberikan juga membantu pelajar supaya menggunakan konsep atau pendekatan yang dicadangkan agar diguna pakai untuk diri pelajar tersebut. Penulis selaku seorang yang berpengalaman luas dalam memberi ceramah

dan motivasi kepada pelajar, berjaya menterjemahkan pengetahuan dan kaedah penyampaian beliau ke dalam bentuk buku. Dengan terhasilnya buku ini, penulis berjaya menarik golongan sasaran beliau, iaitu para pelajar supaya membaca dan menggalakkan pelajar agar menggunakan petua serta amalan yang dihasilkan berdasarkan kajian beliau. Penggunaan gambar rajah, jadual dan watak kartun dalam buku ini juga telah memberi tarikan supaya para pelajar mudah memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis tersebut. Sememangnya buku ini amat berguna sebagai panduan dan rujukan para pelajar supaya mempunyai perancangan baik serta dalam keadaan bersedia di saat menjelangnya peperiksaan.

Pengulas:

Azfaradila Zainal Abidin
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pelanggan
Perpustakaan Negara Malaysia


SINOPSIS BUKU



KHADIJAH HASHIM
1010 Pantun Baru
Shah Alam :'K' Pub.,
2010. 207ms.
ISBN 978-983-852-508-4

Buku setebal 207 halaman ini mengetengahkan garapan pantun-pantun baru yang tidak beredar daripada syarat dan rukun yang menjadi sifat asas dalam puisi tua Melayu, yang dinamakan pantun empat kerat, baik dalam susunan baris dan suku kata mahupun pembayang dan maksud. Pengarang memanifestasikan olahan idea, ungkapan dan seni kata yang membawa nafas baru dengan pendekatan contoh ciri-ciri dan peristiwa semasa melalui usaha mengawal syarat dan rukun yang demikian ketat dalam etika berpantun. Pantun ini juga membawa tema sejagat seperti nasihat, budi, kasih, jenaka dan agama seperti kebiasaan terdapat pada puisi tradisional Melayu. Kesemua pantun di dalam buku ini telah diadun menjadi hasil seni yang cantik bersesuaian dengan sifat karya seni yang seharusnya sarat dengan unsur-unsur keindahan, kebijaksanaan dan menyebarkan kebaikan. Penulis juga menggunakan pendekatan mempopularkan perkataan-perkataan lama dan bahasa daerah yang jarang digunakan selain memperkenalkan perkataan-perkataan baru yang muncul dalam bahasa Melayu sesuai dengan sifat bahasa itu sendiri yang sentiasa hidup dan berubah.

SINOPSIS BUKU




KHAIRUL ANUAR
SHAHRUDIN
**40 Questions You
Should Ask Your
Lawyer Before Buying A
Residential Property In
Malaysia**
Petaling Jaya : True
Wealth, 2010. 116ms.
ISBN 978-967-5428-11-1

One of the biggest investments in a person's lifetime is to buy a property. Everyone has a dream to own what they call "A Dream Home". However, as lands in Malaysia are controlled by state governments, there are certain restrictions-in-interest and regulations which are made up by land offices around Malaysia to ensure that the policies of the states are complied with. This book attempts to answer all questions with an easy presentation according to the current laws in the housing industry, the land laws as well as the laws relating to the legal professional services. It will look at the responsibility of all those who are responsible in delivering that dream home that you have always wanted ranging from developer, the land officers and the lawyers.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




EZEE RAHMANI
Aminah : Bunga Kaum Quraisy
Batu Caves, Selangor :
PTS Millennia, 2010.
203ms.
ISBN 978-967-5564-10-9

Bunga kaum Quraisy ialah seorang gadis bernama Aminah binti Wahab bin Abdul Manaf bin Zuhrah. Beliau adalah anak yatim piatu yang diasuh dan dijaga oleh bapa saudaranya, Wuhaib bin Abdul Manaf bin Zuhrah. Mempunyai keperibadian yang tinggi dan kecantikan rupa parasnya menjadikan beliau gadis pujaan kepada pemuda Mekah. Abdullah bin Abdul Mutalib yang telah ditentukan oleh Tuhan untuk menjadi pasangan kepada Aminah merupakan seorang pemuda yang menjadi kegilaan gadis dan wanita Mekah kerana ketampanan dan budi pekertinya yang mulia. Perkahwinan Abdullah dan Aminah telah mendapat restu dari kedua belah pihak malah dari seluruh penduduk Mekah. Ketika di alam berbulan madu, Abdullah telah diperintahkan oleh ayahandanya untuk berdagang ke Syam dan ketika ini bermulalah episod yang menyentuh perasaan pembaca. Pemergian Abdullah menemui Tuhan tatkala Aminah mengandungkan anak sulung mereka akan membantu pembaca terutamanya wanita untuk terus berjuang meneruskan kehidupan walaupun setelah menjadi ibu tunggal. Wanita yang membaca buku ini akan mampu menempuh dugaan hidup di dunia tanpa ada keluhan. Insyaallah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



SOMCHAI HOMLAOR &
MANSOR SALLEH
Ayahku Ditangkap = (My Father Was Arrested)
Kuala Lumpur :
Penerbitan Ilham Baru,
2010. 159ms.
ISBN 978-967-5642-01-2

Buku ini mengandungi kisah benar yang menyayat hati tragedi kemanusiaan di Wilayah Selatan Thailand. Umat Melayu-Islam yang merupakan 5% daripada penduduk Thailand terus ditindas dan hidup dalam ketakutan. Beratus-ratus umat Islam telah terbunuh atau hilang begitu sahaja. Tokoh-tokoh agama Islam, sami Budha dan tokoh-tokoh politik turut menjadi mangsa. Askar-askar berkeliaran di merata-rata tempat tetapi tidak menjanjikan keselamatan dan kedamaian. Catatan kisah-kisah tragis yang terdapat dalam buku ini bertujuan untuk menggambarkan masalah sebenar yang begitu mendesak bagi membolehkan bantuan yang lebih baik dapat diberikan kepada kanak-kanak dan golongan wanita, termasuk membela hak asasi mereka. Keluarga-keluarga malang ini terpaksa menanggung beban yang menyedihkan akibat dasar kerajaan yang menggunakan kekerasan bagi menangani masalah pemberontakan yang dicetuskan oleh kumpulan pemisah. Nasib mereka telah diabaikan dan tidak menerima rawatan atau pampasan yang sepatutnya daripada pihak berkuasa. Hal ini disebabkan oleh sikap prejedis pegawai kerajaan terhadap orang Melayu-Islam yang disyaki terlibat dalam gerakan pemisah sejak sekian lama di wilayah tersebut.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



LAURA MAYA
Bagaimanakah Generasi Muda Menjana Pendapatan Melalui Blog, Walaupun Komited Sepenuhnya Dengan Tugasannya Semasa Tanpa Mengganggu Kerjaya Semasa Mereka

Kuala Lumpur : Kanyin Publications, 2010.


166ms.

ISBN 978-967-5541-01-8

Terdapat ramai pengusaha internet yang popular di dalam dunia Internet, contohnya Mark Zuckerberg (Facebook), Chad Hurley (Youtube) dan lain-lain. Ramai di antara mereka masih muda dan telah menjadi jutawan. Ini membuktikan bahawa meluahkan idea-idea kreatif baru secara *online* juga boleh terkenal dan seterusnya berjaya di seluruh dunia. Buku ini menawarkan pelbagai sumber yang baik kepada persoalan bagaimana untuk mengisi maklumat dan nasihat yang menarik bagi sesiapa yang ingin mula menghasilkan duit secara *online*. Ia merangkumi maklumat yang paling lengkap dari blogging kepada rangkaian sosial, e-mel dan permainan kata kunci untuk mengoptimumkan enjin carian yang menawarkan cadangan kepada kejayaan. Beberapa kaedah khusus untuk membuat, menerbit, mengurus dan mempromosi laman web dan blog, menghasilkan pendapatan menerusi media baru dan seterusnya mencipta aliran pendapatan berganda daripada blogging turut diselitkan di dalam buku ini. Buku ini mudah dibaca, mempunyai arahan yang jelas dan ringkas, serta sesuai dihadiahkan kepada individu yang berminat untuk mengetahui perniagaan secara *online*.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Balang Lipang Dan Busak Bulan : Kumpulan cerita rakyat Sarawak

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
2010. 513ms.
ISBN 978-983-46-0565-0

Buku ini menghimpunkan cerita rakyat negeri Sarawak mengikut etnik Kelabit, Salako dan Lara. Dua puluh cerita Kelabit dirakamkan dari beberapa perkampungan di kawasan Dataran Tinggi Kelabit. Sebahagian besar merupakan cerita pengembaraan atau lipur lara serta penuh dengan unsur-unsur kesaktian dan supernatural dalam pertembungan antara makhluk dunia dan makhluk kayangan, manusia serta dewa. Orang Salako pula tidak ketinggalan mempunyai warisan tradisi lisan dan cerita rakyat tersendiri. Cerita yang dimuatkan dalam kumpulan ini mengandungi unsur-unsur pengajaran. Begitu juga dengan unsur-unsur jenaka dan mencuit hati. Turut diketengahkan ialah cerita etnik Lara yang tidak kurang hebatnya yang lucu dan menghiburkan. Buku yang disusun oleh Jiso Rutan dan Abd. Kadir Mohd. Yunus ini diharap akan dapat membantu memelihara warisan budaya masyarakat Sarawak daripada pupus dan sekaligus dapat memperkenalkan cerita rakyat Sarawak kepada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.


SINOPSIS BUKU



MOHD SYAMIL MOHD
YUSUFF, ADRIANA
BALQIS
**Bila Zina Menjadi
Budaya**
Kuala Lumpur : Must
Read, 2010. 125ms.
ISBN 978-967-5426-18-6

Buku yang mempunyai 125 lembaran ini cuba merungkai permasalahan yang diakibatkan oleh zina. Zina mengandungi dua musibah iaitu yang pertama, perbuatan ini keji, buruk dan hina. Kedua, zina merupakan cara hidup yang buruk kerana akibat zina, manusia dan seluruh keturunannya akan menerima akibat yang di luar dugaan dan tidak mampu untuk disembuhkan. Inilah dua perkara atau peringatan akibat dari melakukan zina tanpa adanya batasan agama. Buku ini dipenuhi dengan informasi dan kesedaran yang berguna untuk semua golongan. Amaran yang dijelaskan di dalam al-Quran bukanlah hanya untuk orang Islam sahaja tetapi untuk semua umat manusia. Ini kerana, perbuatan zina itu bukan hanya berlaku di kalangan orang-orang Islam, malah ramai di kalangan orang bukan Islam juga suka melakukannya. Akhirnya, ia memberi impak dan kesan yang besar terhadap pembinaan sesebuah tamadun. Semoga isi kandungan penulisan ini dapat membuka mata dan hati pembaca semua untuk kembali menyelamatkan diri dan seluruh keturunan kita agar menjauhi perbuatan buruk ini hingga ke akhir hayat.

SINOPSIS BUKU



ZULIKHA JAMALUDIN,
WAN HUSSAIN WAN
ISHAK

Bina Laman Sesawang :
Statik & Dinamik
Sintok, Kedah : Penerbit
Universiti, Universiti Utara
Malaysia, 2010. 141ms.
ISBN 978-967-5311-31-4

Buku *Bina Laman Sesawang : Statik & Dinamik* memberi panduan asas kepada pembaca bagaimana membina laman sesawang sendiri. Pembaca akan dilatih melakukan sendiri aktiviti menggunakan perisian *Microsoft FrontPage™*, *Java Script*, *Active Server Page (ASP)* dan perisian pangkalan data *Microsoft Access™*. Di samping itu, setiap aktiviti dan langkah yang disenaraikan dapat membantu pembaca membina laman sesawang *homepage* jenis statik *informational* dan laman sesawang interaktif dinamik. Pembaca didedahkan dengan tutorial asas berkaitan teori dan konsep dalam perkomputeran moden iaitu *Internet*, *world wide web(www)* atau sesawang dan *Hyper Text Markup Language (HTML)*. Hasil gabungan teknologi ini membolehkan capaian dan hebahan maklumat dilakukan merentas sempadan. Pembaca juga akan diperkenalkan dengan komponen terakhir pembinaan laman web sesawang dinamik iaitu pembangunan dan manipulasi pangkalan data. Buku setebal 141 halaman ini sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetahui berkaitan halaman sesawang dan kepada individu yang berhasrat untuk mereka bentuk dan membangunkan halaman sesawang dinamik dan statik.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



MASNAH ALI, IMRAN
YUSUF
Buat Duit Dengan Jaga Budak
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 155ms.
ISBN 978-967-5226-83-0

Buku ini memberikan panduan tentang cara untuk menjalankan bisnes secara kecil-kecilan dengan menjaga kanak-kanak di rumah bagi para suri rumah. Antaranya ialah peraturan-peraturan berkaitan modal perniagaan, mengenali pelanggan sasaran, menyediakan keperluan dan yuran yang dikenakan. Di samping itu, pembaca juga diberikan tip tentang cara mempromosi perkhidmatan serta teknik pengurusan bisnes ini. Selain itu, buku ini juga mendedahkan tip dan petua bagi beberapa masalah yang dihadapi sepanjang mengendalikan pusat jagaan kanak-kanak. Pusat jagaan yang berkualiti mudah dikenalpasti melalui respons dari ibu bapa dan sentiasa mendapat sambutan yang baik untuk menghantar anak masing-masing untuk dijaga. Buku yang memiliki 155 halaman ini sesuai dibaca oleh suri rumah yang berhasrat menjadikan tugas menjaga kanak-kanak sebagai kerjaya dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan keluarga.


SINOPSIS BUKU



RASHIDAH RAFIE ABD
RASHID
Buat Duit Dengan Tadika
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 225ms.
ISBN 978-967-5226-82-3

Prasekolah atau tadika adalah dua perkara yang sama kerana kedua-duanya merujuk kepada pendidikan awal kanak-kanak. Penulis mengajak pembaca mengenali dengan lebih mendalam mengenai institusi prasekolah dan situasi pendidikan awal separa formal oleh anak-anak. Guru perlu kreatif merancang aktiviti-aktiviti yang ingin dibuat supaya aktiviti itu dapat meransang naluri ingin tahu kanak-kanak. Buku ini diharap dapat membantu menambahkan pendapatan dengan melakukan perniagaan tadika yang dikatakan mudah dan cepat. Penulis memberi panduan lengkap sebelum dan selepas memulakan perniagaan ini dengan penerangan yang mudah difahami. Strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan, keperluan kepada peralatan, ruang dan sudut dalam membina dan membangunkan tadika adalah amat penting untuk keselesaan dan kesejahteraan anak-anak di sesebuah tadika. Walaupun dari mata kasar dilihat adanya kebebasan di tadika tetapi peraturan adalah penting kerana dari umur kanak-kanak di tadika atau prasekolah bermulanya pembelajaran untuk berdikari dan mendisiplinkan diri anak-anak. Panduan lengkap yang disediakan oleh penulis membolehkan pembaca terus membuka dan menubuhkan perniagaan tadika setelah selesai membaca buku ini.


SINOPSIS BUKU



TAN, LEE OOI
**Dinamik Ruang Siber
Dalam Gerakan
Reformasi Di Malaysia**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2010. 213ms.
ISBN 978-967-942-903-9

Buku setebal 213 halaman ini memberikan gambaran yang komprehensif terhadap peranan internet / ruang siber dalam gerakan reformasi di Malaysia bagi mengimbangi peranan media massa yang dilihat golongan ini sebagai pro-kerajaan. Gerakan reformasi adalah peristiwa politik yang berlaku serentak dengan perkembangan pesat internet di Malaysia. Kesempatan ledakan maklumat ini telah mempelbagaikan alternatif kepada penyokong reformasi dalam membina landasan ke arah mobilisasi idea dan pandangan politik mereka. Maka, kewujudan ruang siber membuka peluang kepada penyokong reformasi membentuk beraneka jenis laman sesawang / blog yang menjadi paksi kepada imaginasi virtual reformasi mereka dan bertambah subur setelah disertai oleh komuniti yang sealiran. Walaupun laman web gerakan reformasi sudah lenyap, namun makna politik yang tertinggal dan pengalaman yang dipupuk sewaktu gerakan reformasi terus bertapak sehingga kini. Di sebalik fakta dan hujah yang menunjukkan dinamik ruang siber di Malaysia, sisi positifnya mencungkil makna sebenar hubungan internet dengan politik secara lebih terbuka. Ruang siber telah, sedang dan akan terus mempengaruhi perkembangan politik di dunia sebenar.


SINOPSIS BUKU



LIM, HIN FUI
Eating For Good Health.
3rd. Ed.
Kuala Lumpur : Samarata Enterprise, 2010. 230ms.
ISBN 978-983-42313-4-7

This book is written by a social anthropologist whose family switched to health food to save the life of his father-in-law, diagnosed with prostate cancer in 1996. The cancer patient survived for 13 years without any radiotherapy and chemotherapy. Health food has improved the overall health of his family members. This book shares his knowledge of food and his family's experience in changing to health food and handling detox responses. It helps to empower you in protecting and regaining your health besides contributing to conserving life on earth. This book helps to raise one's awareness on how your food choices affect your health, your happiness and future in life. It shows you how to protect your health against major diseases such as obesity, heart attacks, stroke, diabetes, high blood pressure and cancer. This book was written to help others who wish to attain health. If we are healthy, our family, society, the nation and the universe can be healthy and be in harmony.


SINOPSIS BUKU



AZIZI YAHAYA, HALIMAH
MA'ALIP
Estim Kendiri Remaja
Skudai, Johor : Penerbit
Universiti Teknologi
Malaysia, 2010. 246ms.
ISBN 978-983-52-0706-8

Estim kendiri ialah frasa yang selalu disebut oleh seseorang itu dalam kehidupan mereka dan merujuk kepada perasaan baik terhadap kebolehan diri. Ianya merupakan penghormatan terhadap diri sendiri oleh seseorang yang mempunyai keinginan untuk mengenali diri sendiri dengan lebih mendalam dari aspek kekuatan dan kelebihan diri, kualiti diri serta tindakan, berdasarkan tindakan yang datang daripada dalam diri tentang perasaan yang baik dalam kehidupan seseorang. Penulis merupakan pengasas kepada konsep kendiri dan beliau memberi definisi yang jelas mengenai estim kendiri di dalam pengisian bukunya. Pengukuran dan cara meningkatkan keyakinan diri adalah sangat penting terutamanya bagi golongan remaja agar mereka menjadi insan berwawasan dan cemerlang. Beberapa kaedah yang diketengahkan kepada pembaca dapat digunakan sebagai motivasi bagi tujuan pembangunan diri. Pembaca juga dapat mengetahui dengan lebih mendalam penjelasan mengenai sumber estim iaitu harta, bakat dan kebolehan, kepintaran, rupa paras, pencapaian terbias, agama dan kuasa. Walaupun buku ini menekankan kepada golongan remaja tetapi ianya sesuai untuk dibaca oleh pelbagai peringkat umur dan bangsa.


SINOPSIS BUKU



NORYANI ISMAIL
**From Dead Broke To
Cash Rich**
Petaling Jaya : True
Wealth, 2010. 95ms.
ISBN 978-967-5428-10-4

The strategies outlined by the author in her book give readers the knowledge to understand how the money is spent in one's life. Firstly she states that a person must identify the problem and how to create change from it. She also states the symptoms and gives the best solutions based on symptoms that may be referring to our selves. Think where or what you want to buy so that one can see where the money goes to. The author suggested that we can list down all the bills so that we can see clearly where our money really is. The next factor is the reader must be honest about the situation and the decisions regarding one's finance. To understand financial matters better, an advice from the professional planners or consultant also can be considered. In this book, the writer makes the readers think deeply about their own financial strategy by making very tough decisions and must be honest to ourselves and remember that the decisions taken is about one's future. Another good idea the writer states is that readers should now stop doing monthly installment payment option because there is always a hidden charge in it that will burden yourself. This book also gives the reader ideas how to create opportunities from the income we received. The book also gives views on ways to make readers understand what money actually made for.


SINOPSIS BUKU



YAP, C.K.
**Get The Job You Want,
Do The Work You Love!**
Petaling Jaya : True
Wealth, 2010. 183ms.
ISBN 978-967-542-813-5

This is a career guidebook written by CK Yap, a certified career coach and trainer. It covers the subject of job hunting, career planning and working life. The book will guide readers toward long term employability and career satisfaction. Besides some job hunting tips, it also guides the reader in securing a job and selecting appropriate jobs of interest and expertise available. This book also discusses about the key to 'unlimited jobs', keys to doing the work you love, ways to increase your chances when job hunting, ways to do what you love, ways to increase your income, why you must think like an entrepreneur even if you have a job, what's on the mind of employers, steps to begin your job hunting journey, ways to look for a job, keys to writing better resumes, career options that you have at any time and tools to identify your strengths, best skills and the work that you love and more. It consists of 181 pages and can be read by all, from teenagers to adults. It provides some new insights on career growth and get the job you want and do the work you love.

SINOPSIS BUKU



DALINA ISMAIL
How To Think Like Mahathir : A Step By Step Guide To An In-Depth And Novel Applications Of Neuro-Linguistic Programming


Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA, 2010.
161ms.

ISBN 978-967-363-027-1

This book gives guidelines on how the reader can develop his or her mind to achieve a stage where he or she will be able to benchmark a famous person's way of thinking, for example Tun Dr. Mahathir's. The reader will be exposed to a better understanding of the Conscious and Unconscious Mind: Metaphysical phenomena made logical and Psychic ability made simple. NLP (Neuro-Linguistic Program) techniques taught in this book are: Six-Step Reframing and Congruence. Dreamsurfing completes the skills needed for the reader to master the approach in this book. In this book, it has highlighted the concepts, tools and strategies which would enable people to access unconscious resources for the purpose of modelling excellence and 'tuning-in' to the frequency of exceptional modern thinkers such as Tun Dr. Mahathir Mohamad. It focus to provide the reader of this book with a fast methodology for thinking like Dr. Mahathir. The ability to replicate and develop original thinking patterns and the process of "thinking like a genius" is at the core of this book. This book is a departure from the standard modelling strategies of NLP which are grounded in matching behaviour, mental syntax, even physical postures. This book offers a way to 'shortcut' this elaborate process by accessing the "Unconscious Mind" the storehouse of unlimited human talent and capabilities.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



NIK ABDUL AZIZ NIK
MAT, DATO'
**Ingatlah Tempatmu Di
Akhirat**
Petaling Jaya : Rijal
Media, 2010. 160ms.
ISBN 978-967-5515-00-2

Berakhirnya kehidupan di dunia bukan bermakna noktah untuk segala-galanya. Ia bukan titik akhir yang akan menghabiskan episod perjalanan seorang manusia. Sebaliknya, ia merupakan permulaan satu fasa baru ‘kehidupan’ seorang manusia. Alam barzakh itu umpama tempat untuk kita mengenali tempat akhir kita – syurga atau neraka. Oleh yang demikian, amat penting untuk kita memastikan alam barzakh nanti tidak menjadi titik awal menuju neraka. Sebaliknya, harus dijadikan sebagai titik awal perjalanan kita untuk menuju ke syurga. Buku ini menggarap ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran sebagai peringatan untuk kita pastikan di mana dan ke mana kita selepas ini. Antara unsur-unsur penting yang sepatutnya dijadikan senarai semak ialah cara yang perlu dilakukan bagi mendapatkan kesejahteraan di akhirat, dahsyatnya neraka, juga nikmatnya syurga sebagai tempat tinggal di akhirat, apakah perkara yang boleh membawa seseorang ke syurga atau menjerumuskannya ke neraka, apakah itu yang dikatakan keuntungan dan kerugian hakiki dan akhir sekali apakah iradat yang akan menjadi penentu kepada nasib seseorang di akhirat. Buku ini boleh dijadikan hadiah bagi membimbing diri menuju kehidupan yang kekal abadi.

SINOPSIS BUKU




ROZANI PAWAN CHEK
Ingin Jadi Super Upline?
Batu Caves, Selangor :
PTS Profesional Pub.,
2010. 176ms.
ISBN 978-967-5226-84-7

Buku ini adalah fasa klimaks dalam siri mega leader MLM. Sama ada anda sebagai downline mahupun upline, kedudukan super upline pasti menjadi cita-cita mereka. Buku ini mengandungi 53 tips yang dimuatkan dalam 6 bahagian. Antara tip-tip yang menarik ialah tip 50 iaitu bercakap dengan diri sendiri. Teknik ini kerap digunakan oleh jutawan MLM yang berjaya hatta Muhammad Ali peninju lagenda pun kerap menggunakan kaedah ini. Antara contoh ayat *self talk* bagi memprospek ialah seperti berikut : saya seorang yang hebat dalam memprospek, saya tidak malu dan segan menemui prospek. Kata-kata perangsang seperti ini jika diucapkan setiap hari akan menjadikan jiwa individu itu kuat seterusnya bersemangat mencari prospek. Tip ke-52 ialah meletakkan gambar idola kita pada setiap ruang di atas sehelai kertas kosong. Gambar tersebut akan menjadikan kita bermotivasi untuk mencapai kejayaan. Tentunya pembaca akan teruja dengan buku ini kerana buku ini memuatkan cara-cara yang praktikal yang boleh dicuba untuk berjaya di dalam bidang perniagaan MLM.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



AZIZI ALI
Jalan Pintas Kekayaan :
Rahsia Menjana Wang
Yang Banyak Melalui
Pemasaran Informasi
Petaling Jaya : True
Wealth, 2010. 177ms.
ISBN 978-967-5428-05-0

Buku ini memperihalkan tentang komoditi maklumat yang menjadi industri baru dan sedang meledak merentasi sempadan melalui pemasaran informasi. Pemain industri ini layak digelar usahawan dan pemasar informasi melalui pengumpulan dan pembankejan informasi dalam pelbagai format yang kemudiannya diadun sebagai suatu produk dan perkhidmatan yang disasarkan kepada golongan yang memerlukan sama ada di dalam atau luar negara. Penjanaan perniagaan melalui informasi menjadi lebih mudah apabila penciptaannya dikendalikan oleh mereka yang pakar dalam penguasaan maklumat dan mengetahui kos termurah dalam menghasilkannya tetapi pada masa yang sama dapat menjamin dan menjana keuntungan dan pulangan yang lumayan. Buku ini mengupas kelebihan bisnes pemasaran informasi, kategori produk informasi, pasaran produk informasi, bagaimana memasarkan produk dan perkhidmatan, bagaimana mengelakkan kesilapan yang sering terjadi di dunia pemasaran informasi dan bagaimana mengautomasikan bisnes pemasaran informasi. Ianya sesuai dibaca oleh individu yang ingin menjadi usahawan informasi dan kepada sesiapa sahaja yang ingin menggandakan wangnya dengan cara yang mudah dalam masa yang singkat.


SINOPSIS BUKU



NIK YUSRI MUSA
Jom! Tanya Ustaz 2
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2010. 150ms.
ISBN 978-983-097-249-7

Buku ini merupakan kesinambungan daripada buku *Jom ! Tanya Ustaz* Siri pertama. Ianya menghimpunkan 200 kemasukan yang sering berlegar di benak ingin tahu anak-anak mengenai persoalan fardu ain, akhlak dan umum. Melalui buku ini, penulis berkongsi perkara-perkara yang sering ditanya oleh kanak-kanak kepada beliau. Buku ini disusun mengikut bab seperti fikah, al-Quran, akhlak dan umum. Ianya disampaikan dalam bentuk soalan atau kemasukan. Setiap permasalahan diperjelaskan dengan panjang lebar beserta nas al-Quran dan hadis yang menjadi sandaran masalah tersebut. Buku ini membantu pembaca mengetahui dan memahami persoalan fardu ain, akhlak dan lain-lain dalam bentuk soal jawab yang mudah. Seterusnya memudahkan pembaca beramal dengan betul, tepat dan suci supaya amalan tersebut diterima Allah SWT. Buku ini sesuai dibaca oleh semua golongan masyarakat Islam dari peringkat kanak-kanak hingga dewasa.


SINOPSIS BUKU



JOHN, EDWIN
Keajaiban Bisnes Internet Dalam Masa 8 Hari
Petaling Jaya : True Wealth, 2010. 141ms.
ISBN 978-967-5428-15-9

Buku ini merupakan terjemahan daripada buku 'the 8 day internet wonder'. Ia memaparkan strategi unik dan inovatif serta memberi inspirasi kepada individu yang berhasrat ingin menjana pendapatan melalui bisnes internet. Bisnes internet boleh dimulakan pada bila-bila masa, oleh sesiapa sahaja, dilakukan di mana jua dan tanpa melibatkan sebarang modal. Buku ini memaparkan cara-cara menjana wang di internet dengan modal minimum untuk mereka yang baru bermula dan juga yang telah arif tentang dunia perniagaan internet. Strategi yang diperkenalkan sangat unik, inovatif dan memberikan asas yang kukuh untuk memulakan perniagaan internet. Ianya merupakan satu manual yang ringkas dan padat serta mudah dibaca, difahami dan dipraktikkan. Garis panduan yang diberikan akan memimpin pembaca dan menunjukkan cara, langkah demi langkah, untuk memudahkan pembaca memahaminya. Buku yang mempunyai 141 halaman ini akan memandu pembaca untuk menjayakan bisnes internet dari hari pertama sehingga hari kelapan.


SINOPSIS BUKU



SHALIH, ABUL QA'QA
MUHAMMAD
**Keutamaan & Kelebihan
Menuntut Ilmu**
Batu Caves, Selangor :
Crescent News (K.L),
2010. 462ms.
ISBN 978-983-061-833-3

Buku ini merupakan terjemahan daripada buku Kaifa Tatahammas li Thalabil 'Ilmisy Syar'i. Keperluan ilmu syar'i yang memuatkan 102 cara para Shalafush Shalih dalam menuntut ilmu syar'i. Karya yang berbentuk petikan dan cerita tersebut sangat memberi motivasi dalam menuntut ilmu. Antara yang diketengahkan ialah cerita kegigihan Al-Qamah bin Qais An-Nakhai dan Aswad bin Yazid An-Nakhai yang berasal dari Iraq telah pergi menemui Umar bin Khathab untuk mendengar hadith secara langsung dari Umar. Manakala Imam Muhammad bin Ishaq bin Mandah dikatakan menuntut ilmu sehingga usia beliau 65 tahun. Masih banyak lagi kisah menarik yang dirakamkan untuk motivasi dan diteladani dalam menuntut ilmu syar'i. Sesungguhnya, ganjaran amat besar dijanjikan Allah bagi mereka yang cintakan ilmu syar'i dan menuntut ilmu tersebut dengan penuh keikhlasan dan ketekunan. Menuntut ilmu syar'i mendatangkan kenikmatan dalam hati dan menjadikan penuntutnya lebih tekun sehingga tidak sedar meninggalkan waktu tidur mereka. Mempelajari ilmu syar'i juga dapat mewujudkan rasa takut kepada Allah, merasa diawasi-Nya dan sentiasa bertakwa kepada-Nya.


SINOPSIS BUKU



LIM, CHRISTOPHER
Kidney And You
Petaling Jaya : True
Wealth, 2010. 95ms.
ISBN 978-967-5428-12-8

In these days as we all know that a healthy body and mind comes from a healthy kidney. While many have been fortunate to enjoy these unique gifts, there are those who spend their life times regretting for not doing enough to prevent their kidneys from failing. The kidneys is one of the most complex, beautifully 'engineered' organs of the human body which have numerous important biological roles. A normal person is gifted with a pair of kidneys but some unfortunate people are only born with a single kidney. Hence, they need to be extra careful in looking after the only one that they have. After all, kidney disease is an extremely common disease with statistics showing that one out of ten people suffer from kidney failure. The good news is that kidney disease is totally preventable and curable if detected early. This book completely cover the functions of our kidneys, the chronic kidney disease and the stages, what is acute kidney disease including its' features and how to take a good care of our kidneys. It is also listed the 10 misconceptions of chronic kidney disease. It is highlight about suitable diet for kidney disease patients, good and effective drugs to treat kidney disease and last but not least dialysis and kidney transplantation. As we can conclude here is this book is a simple and basic guide on the kidneys' functions, diseases of the kidneys, how to look after the kidneys and many more useful health tips. This powerful book can propel your health to the highest level.

SINOPSIS BUKU




**Koleksi Kenali Seni
Bonsai**
Shah Alam : Alaf 21, 2010.
95ms.
ISBN 978-983-124-568-2

Bonsai ialah seni penanaman dan membentuk pelbagai jenis tanaman atau pokok yang dibantutkan di dalam satu pasu. Pokok sengaja dibantutkan untuk menghasilkan keindahan seni gubahan daun, susunan dahan dan ranting, susunan akar serta keunikkan batang dan banir. Tarikan estetik yang hebat meletakkan bonsai dalam kelasnya yang tersendiri sehingga ramai menganggap ianya sebagai hobi golongan elit. 'Koleksi kenali seni bonsai' ini memberi panduan secara asas cara-cara menjaga pohon bonsai seperti membentuk pohon, menukar pasu, menyiram dan membaja. Pelbagai tip, panduan dan maklumat tambahan tentang tanaman bonsai turut disertakan. Turut dimuatkan di dalam buku ini adalah gambar bentuk-bentuk bonsai, aksesori dan pokok yang sesuai untuk dijadikan tanaman bonsai. Buku yang diselenggarakan oleh Teh Rohaya Yusuf ini boleh dijadikan panduan kepada yang berminat dengan hobi menanam bonsai.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



FREY, EDWARD
The Kris : Mystic Weapon Of The Malay World. 3rd. Ed.
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010. 98ms.
ISBN 978-983-068-383-6

No other Malay weapon characterises the Malay world as the famous kris. The kris is the distinctive weapon of Malaysia and Indonesia. It is found in a variety of forms ranging from northern Sumatra and Malaysia to far-distant Mindanao in the Philippines. Its origins are shrouded in mystery, it is credited with supernatural powers, and it serves as a status symbol for its owner. Surrounded by a wealth of lore, the kris has always been an object of intense curiosity and interest to outsiders. The kris is famous for its distinctive wavy blade, but many have straight blades as well. The essential facts about the kris have thus been brought together and explained, and a set of superb illustrations in black and white and colour illustrate the beauty of this intriguing weapon and the culture associated with it. This book discusses about the kris and its origin, magic and power of the kris, kris as cultural talisman, deadly kris, kris and its blade, the sheath, hilt and fittings, kris archives and preserving the kris.


SINOPSIS BUKU



LOSIER, MICHAEL J.
Law Of Connection =
Hukum Hubungan
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 157ms.
ISBN 978-967-369-003-9

Buku ini diterbitkan disebabkan sambutan orang ramai terhadap buku *Law Of Attraction*. Penulis telah berkongsi kunci bagaimana berkomunikasi dengan berkesan dengan menggunakan prinsip *Neuro-Linguistic Programming* (NLP), pembaca dapat menguasai beberapa kemahiran berkomunikasi yang dapat memudahkan setiap aspek kehidupan mereka. Selain itu, turut diselitkan beberapa tip, bahan, latihan dan skrip yang boleh dikongsi bersama iaitu tiga syarat perhubungan, teknik menyelaraskan perbualan, empat kaedah mudah bagi komunikasi berkesan, tip perhubungan erat yang positif dalam semua situasi dan akhir sekali topik khas bagi para guru, jurulatih dan sesiapa yang melakukan penyampaian dalam kumpulan. Buku ini mengupas teknik yang diperlukan bagi memperbaiki komunikasi dan seterusnya membina hubungan lebih baik dan sihat. Walau apa pun unsur negatif dan konflik yang wujud dalam perhubungan, buku ini pasti dapat membantu anda. Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan atau rujukan untuk seisi keluarga dan seterusnya dikongsi bersama dengan rakan-rakan di sekolah maupun di pejabat.


SINOPSIS BUKU



MOHD RAZALI
KAMARUDIN
Mudahnya Mengajar!
Shah Alam : Alaf 21, 2010.
192ms.
ISBN 978-938-124-450-0

Apakah yang anda faham dengan ‘mengajar’? Ini adalah salah satu soalan yang pernah ditanya oleh penemuduga dalam sesi temuduga perlantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) atau guru. Jika soalan ini dilontarkan kepada anda, apakah agaknya jawapan yang akan anda berikan? Buku ini memuatkan panduan asas yang lengkap untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P). Susunan bab-bab dalam buku ini adalah mengikut langkah-langkah yang lazim dilalui oleh seseorang guru, pengajar atau pensyarah semasa melaksanakan proses P&P. Ia mengupas secara ringkas konsep pengajaran dan proses mengajar. Kemudian diperincikan dengan prinsip menstruktur kandungan mata pelajaran dan mentafsir sukatan pelajaran. Kedua-dua komponen yang ditekankan ini perlu difahami bagi memudahkan proses merancang kerja pengajaran. Buku ini dapat memberi panduan mudah kepada sesiapa sahaja yang akan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, terutamanya mereka yang masih baru dalam profesion ini. Buku ini sesuai dijadikan rujukan oleh pelajar-pelajar bidang pendidikan, guru pelatih, guru sandaran atau sesiapa sahaja yang berminat untuk memahami bidang pengajaran.

SINOPSIS BUKU



ATRIZA UMAR
Pahlawan Islam
Kontemporari : Para
Peminang Bidadari
Petaling Jaya : Rijal
Media, 2010. 136ms.
ISBN 978-967-5515-03-3

Buku ini membincarakan tentang beberapa pahlawan Islam yang kurang diketahui umum. Islam amat menekankan supaya umatnya berjihad seperti Dzokhar Musayevich Dudayev iaitu seorang mujahid yang memperjuangkan kemerdekaan negaranya, Chechnya, Ibnu Khattab di Afghanistan yang tidak takut mati dan tidak gentar dengan musuh, Abdallah Syamil Salmanovich Basayev pejuang Islam yang sentiasa menjadi buruan musuh, Hassan al-Banna iaitu lelaki yang mencintai kebenaran dan ilmu pengetahuan, Sayid Qutb, lelaki yang bersyahadat dengan hidupnya dan mengawal pemikiran dengan hafalan al-Quran, Syeikh Abdullah Yusuf Azzam pula lelaki yang menjadikan jihad sebagai urusan keluarga yang dijadikan ayah oleh mujahidin Afghanistan, Yahya Abdul Latiff Ayyash yang dikenali sebagai al Muhandis iaitu seorang jurutera yang pakar membuat bom dan sentiasa bersedia membala penderitaan Palestin pada penjajah zionis Israel. Begitu juga dengan Syeikh Ahmad Yassin, pemimpin HAMAS yang berkerusi roda tetapi berjaya menghasilkan buah fikiran yang hebat untuk menewaskan musuh. Abdul Aziz Rantisi yang lebih rela mati di depan ‘apache’ iaitu musuh-musuh Islam dan Khalid Ahmad Sawki Islambouli yang membunuh presidennya yang zalim. Berdamping dengan buku ini akan memotivasi pembaca untuk terus mempertahankan negara, agama dan bangsa daripada musuh.

SINOPSIS BUKU




REZAN TAMBI
**Panduan Asas
Memelihara Kucing**
Kuala Lumpur : Persatuan
Peminat Kucing Kuala
Lumpur & Selangor, 2010.
126ms.
ISBN 978-967-5774-00-3

Kucing merupakan teman yang setia dan haiwan peliharaan yang dapat mengurangkan stres dalam kehidupan. Sifat manja dan inginkan perhatian adalah fitrah semulajadi yang dianugerahkan tuhan kepada kucing. Buku panduan asas memelihara kucing merupakan sebuah buku yang memberi tunjuk ajar serta panduan ringkas dan mudah difahami kepada pemilik kucing untuk bagaimana mengurus dan memelihara kucing mengikut disiplin serta kaedah yang mudah, berkesan dan menyenangkan. Buku ini juga bertujuan mendidik masyarakat mengenali pelbagai jenis kucing dan menguasai ilmu memelihara kucing dengan sepenuhnya. Buku setebal 126 halaman ini mempunyai 8 bab yang membincangkan dengan terperinci berkaitan panduan asas memelihara kucing, mengenali kucing, peralatan asas untuk memelihara kucing, pemakanan dan penyediaanya, kesihatan, dandanannya, keperluan sokongan untuk kucing dan menyertai pertandingan kucing antarabangsa. Memelihara kucing adalah satu hobi yang positif yang boleh merapatkan hubungan kekeluargaan dan mengisi masa lapang dalam kehidupan seharian. Penjagaan rapi dan memelihara kucing dengan teknik yang betul akan memudahkan kita dalam mengurus penjagaannya.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Pentadbiran Awam :
Transisi Dan
Pembentukan
Sintok, Kedah : Institut
Pemikiran Tun Dr.
Mahathir Mohamad, 2010.
121ms.
ISBN 978-983-44865-2-5

Buku yang diselenggara oleh Abdul Rahman Abdul Aziz ini merupakan koleksi ucapan tiga perdana menteri iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn. Semasa Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Abdul Razak menjadi pemimpin negara, terdapat ucapan-ucapan yang menarik tentang zaman transisi iaitu peralihan dari zaman pentadbiran British kepada pemerintahan MERDEKA. Ucapan ketiga-tiga perdana menteri yang dimuatkan dalam buku ini penting untuk dibaca kerana ia mengandungi pengarahan-pengarahan yang berguna dengan tujuan untuk menjamin perkhidmatan yang berkualiti seterusnya menuju kemakmuran dan kesejahteraan negara. Ketelusan dalam menjalankan tugas oleh penjawat awam dapat membantu dalam mencapai matlamat dan objektif negara. Ini kerana perkhidmatan awam adalah nadi yang menyalurkan pembangunan negara. Di antara ucapan Tunku yang termuat dalam buku ini merangkumi pelbagai isu yang berkaitan dengan perkhidmatan awam dalam program pembangunan negara termasuk kualiti diri penjawat awam, peranan dan tanggungjawab kesatuan sekerja dan proses yang dilalui oleh negara yang baru merdeka serta mengambil alih peranan pegawai-pegawai British. Golongan penjawat awam amat perlu dan sesuai untuk membaca buku ini.


SINOPSIS BUKU



HARYZAT ZULZAHARY
**Rahsia Webcopy :
Teknik Sebenar Jutawan Internet Menjual Apa Sahaja Secara Online**
Petaling Jaya : True Wealth, 2010. 217ms.
ISBN 978-967-5428-18-0

Di dalam perniagaan konvensional, kebiasaannya kemahiran bercakap merupakan aset yang penting untuk membuat jualan. Begitu juga dengan perniagaan secara atas talian (Internet). Walaupun laman web perniagaan anda dikunjungi beratus pengunjung sehari dan produk atau servis yang anda tawarkan memang hangat di pasaran, namun ia tidak akan bermakna sekiranya tiada jualan yang dapat dilakukan. Di sinilah pentingnya medium yang memujuk pelanggan untuk membeli dari laman web perniagaan anda. Pada asasnya, ia masih sama dengan perniagaan konvensional tetapi berbeza daripada segi penyampaian dan teknik. Buku ini mengajar anda bagaimana untuk menulis surat jualan di laman web perniagaan anda secara terperinci. Sarat dengan tip dan panduan lengkap yang pasti membantu menjadikan laman web perniagaan anda sebagai mesin penjana wang tanpa henti. Juga dilengkapi dengan pelbagai contoh dan teknik psikologi yang tidak diajarkan dalam mana-mana bengkel perniagaan internet. Yang paling istimewa buku ini dimuatkan dengan cara-cara memujuk pengunjung laman web perniagaan anda untuk membuat pembelian buat kali pertama, kedua dan seterusnya.

SINOPSIS BUKU



The Renaissance Man : Royal Professor Ungku

A. Aziz

Kuala Lumpur : Penerbit
Universiti Malaya, 2010.


232ms.

ISBN 978-983-100-499-9

The title of the book "*The Renaissance Man*" which focused on the royal Professor Ungku Aziz. Ungku is described as a man that gives significant effect to ward the growth and development of the nation in general and also to the University of Malaya. The early chapters of the book focused on the early life of Ungku Aziz and his contributions to the development of the University of Malaya and to higher education. The next chapter is about his contributions and compliments by fellow friends to this former vice-chancellor as a role model to the university. The book also give readers the picture of past publications and a working model of how the standards were set up in the past that was important to University of Malaya. The idea to look at women working in electronics and other relevant manufacturing industries was inspired from Ungku's studies which gives the reader a clear picture of how rural Malay women faced challenging toward his studies. His roles in projects and leadership also were highlighted in this book. These excerpts are sufficient to give an indication of Ungku's range of interest and contributions, the depth of his ability and wisdom also the incredible impact he has made on his students, colleagues, friends and the nation. This documentary ideas is a complete record of Ungku's research and publication towards various field include economies, education in general, higher education, language, politics, sociology and women right. To concluded, Ungku's Aziz is "*The Renaissance Man*".

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




HASRIZAL ABDUL JAMIL
Secangkir Teh Pengubat Letih

Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2010. 267ms.
ISBN 978-983-097-238-1

Buku ini memaparkan catatan perjalanan kembara penulis, Abu Saif di bumi Khalifah Othmaniyyah iaitu Turki. Kembara Abu Saif bertujuan untuk memahami cara kerja Allah pada alam dan manusia. Ia juga tidak terikat kepada idea merentas sempadan negara. Mengembara itu adalah perjalanan seorang manusia yang keluar dari zon selesa kepada zon cabaran, keluar daripada rutin seharian kepada mencari mutiara hikmah daripada sebuah kehidupan. Proses mengenal manusia bukan sekadar melalui pembacaan bahkan ia menuntut pergaulan, interaksi, komunikasi, menikmati kemanisannya dan menyabarkan diri terhadap kesakitan akibatnya. Para nabi dan rasul mengembara, para sahabat dan tabiin juga bertebaran di serata dunia, ringkasnya semua yang memiliki visi dan misi besar akan mengembara. Dalam buku ini juga dicatatkan sejarah Turki dari aspek ekonomi, sosial dan politik yang amat berharga untuk dijadikan panduan dan sempadan. Kemesraan ukhwah dapat dirasai meskipun dibatasi oleh dua benua dan tidak mempunyai sebarang kepentingan kecuali kerana Allah dan agama-Nya.

SINOPSIS BUKU




GHAZALLY ISMAIL,
SALINA GHAZALLY
**Taman Negara : a
bastion of Malaysian
biodiversity**
Kuala Lumpur : Berita
Pub., 2010. 122ms.
ISBN 978-967-969-563-2

Malaysia's Taman Negara is arguably one of the world's oldest rainforests. It has continued undisturbed and remained unspoiled for at least 130 million years. This expanse of pristine lowland rainforests today represents the most important protected area in the Peninsular Malaysia. Strategically placed within the headwaters of three river systems, the Tembeling in the south, the Terengganu in the east ant the Relai-Aring-Labir in the north. The book aims to increase our understanding and awareness of Taman Negara's biological diversity and stimulate rational thinking of possible adverse impacts of ecotourism on our environment and natural heritage. With this, the authors hope to instill a common sense of responsibility in all of us to judiciously care and manage this pristine ecosystem in its natural state for the enjoyment of our future generations so that Taman Negara will not be a paradise lost.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ZULKIFLI ARIFF
Tip & teknik penanaman cendawan untuk kegunaan isi rumah dan bisnes

Shah Alam : Oasis Books,
2010. 117ms.
ISBN 978-967-5711-02-2

Cendawan Tiram Kelabu, Cendawan Abalon, Cendawan Tiram Putih, Cendawan Ling Zhi@Gano, Cendawan Jerami Padi, Cendawan Sisik, Cendawan Bunga Kubis, Cendawan Shitake, Cendawan Jarum Mas, Cendawan Perut Lembu, Cendawan Telinga Kera@Black Jelly serta Cendawan Butang merupakan sebahagian daripada jenis cendawan yang boleh dibiak dan ditanam serta dikomersialkan di negara ini. Cendawan tiram kelabu merupakan cendawan yang paling popular ditanam di negara ini kerana ianya mempunyai rasa yang amat sedap, lemak manis dan seolah-oleh memiliki rasa seperti daging ayam. Zulkifli Arif cuba berkongsi pengalaman dalam industri penanaman cendawan tiram kelabu dan kandungan buku ini lebih fokus kepada cendawan tersebut. Buku yang mengandungi 11 bab ini memaparkan tips dan teknik yang jelas kepada pembaca bermula daripada khasiat cendawan, proses penanaman sehingga kepada pemasarannya. Kandungan buku ini dapat membantu pembaca kerana mengandungi gambar-gambar berwarna dan keterangan pada setiap gambar dapat memberi lebih kefahaman dalam setiap proses penanaman cendawan ini. Buku ini juga sesuai dibaca kepada yang berhasrat untuk mencuba dalam industri cendawan ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



LAU, K.C
Tip-Tip Kewangan Untuk Rakyat Malaysia
Petaling Jaya : True Wealth, 2010. 203ms.
ISBN: 978-967-5428-06-7

Buku ini adalah edisi terbaru hasil terjemahan daripada buku terlaris *Top Money Tips For Malaysians*. Buku ini secara amnya menerangkan idea tentang wang dan berkongsi tip-tip praktikal bagaimana untuk menjana wang, membuat simpanan dan menjamin keselamatan wang. Buku ini disusun kepada 4 bahagian iaitu tip kewangan bijak, tip menjana wang, tip menjimatkan wang dan tip melindungi wang. Tip-tip yang diberikan oleh penulis akan dapat membantu kita untuk menguruskan kewangan dengan lebih baik dan berkesan. Apa yang diperlukan ialah sedikit perubahan dalam tabiat harian berbelanja kita. Mempraktikkan tip yang diberikan oleh penulis membolehkan pendapatan dijana dengan berlipatkali ganda dan mengurangkan pengaliran wang ke luar dari poket. Buku setebal 203 halaman ini amat sesuai bagi mereka yang ingin meningkatkan ilmu kewangan tanpa membuat pembaziran.

SINOPSIS BUKU




A. RAHIM QAHHAR
Trauma
Ampang, Selangor :
Pekan Ilmu Publications,
2010. 172ms.
ISBN 978-967-5106-85-9

Trauma merupakan sebuah novel yang mengangkat tema suami isteri sebagai pendokong utama cerita ini. Novel setebal 172 halaman ini menceritakan keluh kesah seorang insan bernama suami yang ditinggalkan oleh isterinya, dititipkan dengan begitu indah. Novel ini berpaksikan kepada nota yang ditinggalkan di cermin almari yang ditulis oleh sang isteri melalui tulisan yang menggunakan lipstik. Garapan falsafahnya yang dibahagikan kepada sepuluh bab bertitik tolak daripada ayat *Suamiku, aku pergi. Tak usah kau cari. Hampir 20 tahun kita hidup bersatu, namun bahagia masih semu. Engkau masih suamiku, tapi aku barangkali bukan isterimu. Mulai hari ini, aku belajar mengenal diriku sendiri. Aku bukan lari. Sekali waktu, mungkin aku kembali!* Sang isteri pergi meninggalkan suami tanpa sebarang sebab atau sengketa setelah 20 tahun hidup bersama menyebabkan si suami kebingungan. Suami berteka-teki memikirkan tindak tanduknya yang menyebabkan si isteri terasa hati lalu pergi meninggalkan dirinya. Segala lara dan keluh si suami dititipkan dalam novel ini sepanjang menunggu kepulangan isterinya yang tercinta. Penggunaan bahasanya yang puitis, berfalsafah dan mempunyai maksud kiasan dan sindiran menggambarkan perjalanan hidup yang penuh ranjau dan liku.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ZAMRI MOHAMAD
**Urus Bisnes Dengan
Google**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 298ms.
ISBN 978-967-369-013-8

Senario menunjukkan penjimatan besar-besaran diraih oleh peniaga bisnes kecil di negara-negara maju kerana berpeluang mempromosikan barang mereka melalui Google. Perusahaan kecil dan sederhana yang berkembang pesat di Malaysia telah menarik minat Google bagi menempatkan pejabat operasi mereka di Kuala Lumpur. Buku ini memperkenalkan dan memberi panduan mengurus dan memasarkan bisnes kecil melalui Google pada kos yang rendah dan hampir percuma. Mendedahkan strategi dan rahsia bagaimana perniagaan kecil dari rumah dapat memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara cepat, mudah dan praktikal melalui Google. Adanya Google sebagai sebahagian daripada dunia internet merupakan berita baik bagi peniaga kecil. Mengandungi huriaian pelbagai aplikasi Google antaranya ialah *Gmail*, *Google Profile* dan pelbagai lagi. Buku yang terbahagi kepada 10 bahagian ini sarat dengan panduan lengkap, langkah demi langkah dengan dibantu oleh *screenshot* yang memudahkan pembaca memahami dan seterusnya mahir menggunakan Google.

SINOPSIS BUKU




NURBAKHS, JARID
Wanita-Wanita Sufi
Batu Caves, Selangor :
Crescent News (K.L),
2010. 274ms.
ISBN 978-983-061-853-1

"Jika seluruh kaum wanita seperti yang telah kami nyanyikan, maka, pasti kaum wanita lebih utama dari lelaki. Kerana bahawa matahari itu dari jenis wanita bukanlah suatu kecacatan, maka bukan pula suatu kehormatan kalau rembulan itu dari jenis lelaki." Syair Arab ini menunjukkan bahawa, dari segi keimanan dan ketakwaan, darjat lelaki dan wanita adalah sama. Di awal penulisan, penulis telah menyertakan sejarah ringkas tasawuf serta perkembangan serta teori tasawuf. Buku ini memaparkan biografi seramai 130 orang wanita yang tergolong dalam wanita sufi yang dimulai dengan Rabi'ah iaitu wanita sufi paling terkemuka pada masa awal dan diakhiri dengan Hayati yang merupakan wanita sufi paling terkenal pada masa terkemudian. Wanita-wanita ini disenaraikan antara wanita-wanita pilihan di sisi ALLAH S.W.T kerana perjuangan mereka dalam menempuh jalan keesaan Ilahi. Mereka juga telah melakar sejarah dalam ketamadunan umat yang belum mampu ditandingi oleh mereka yang dianggap moden di abad ini. Buku terjemahan setebal 274 halaman ini amat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat Islam sama ada lelaki maupun wanita bagi mengambil iktibar di atas perjuangan dan ketaatan wanita-wanita pilihan Allah ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ANDERSSON, SARAH,
SNELL, BEVERLY
**Where There Are No
Pharmacists : A Guide
To Managing Medicines
For All Health Workers**
Pulau Pinang : Third
World Network, 2010.
154ms.
ISBN 978-967-5412-17-2

An average person living in an urban area takes for granted that the medicines dispensed to him are of good quality. This is due to the fact that medicines are managed and handled by adequately trained pharmacists. But, the reality in the remote and rural areas of Africa, Asia and Latin America is that there are not enough trained pharmacists. This book provides a step-by-step guide demonstrating what is needed and can be done by staff in small rural and urban health facilities. This book explains how to manage medicines; how to order them, store them, prepare them, dispense them and use them safely and effectively. A glossary of pharmacology and pharmacy terms provides explanations for technical terms that the staff will come across when learning, teaching and referencing. Knowledge associated with medicines and healthcare should not be guarded secret among professionals but freely shared by everyone.